

Belanjawan 2020

Elaun khas anggota bomba bakal diumumkan

Inisiatif hargai khidmat cemerlang, pengorbanan

Oleh Mohd Haika Khazi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan dijangka mengumumkan berita gembira pemberian elaun kritikal berjumlah RM200 sebulan kepada semua 14,000 anggota bomba, berkuat kuasa mulai Januari depan.


Pengumuman itu yang ditunggu-tunggu anggota bomba, dijangka dilakukan ketika pembentangan Belanjawan 2020, esok.

Eksklusif

Sumber memberitahu elaun berkenaan bagi menghargai perkhidmatan cemerlang, jasa dan pengorbanan anggota bomba demi menyelamatkan harta benda dan nyawa rakyat.

"Kerajaan pada dasarnya bersejajuh untuk membayar elaun kritikal RM200 sebulan kepada setiap anggota bomba, sama seperti dinikmati anggota pasukan keselamatan lain, iaitu polis dan tentera," kata sumber berkenaan.

Dengan mengambil contoh kes



Kerajaan dijangka mengumumkan elaun kritikal RM200 sebulan dalam Belanjawan 2020 kepada 14,000 anggota bomba, berkuat kuasa mulai Januari depan. (Foto hiasan)

anggota bomba, Muhammad Adib Mohd Kassim, yang meninggal dunia akibat kecederaan parah dalam insiden rusuhan di sebuah kuil Hindu di Subang Jaya, pada tahun lalu, sumber itu berkata:

"Kita melihat perkara ini sebagai satu keperluan mendesak selepas mendapati ada anggota bomba terbunuh ketika menjalankan tugas, sama ada misi memadamkan kebakaran atau pun menyelamatkan," katanya.

Isu elaun kritikal untuk anggota bomba mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Ab-

dullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ketika baginda berangkat menghadiri sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2019 pada 20 Julai lalu.

Al-Sultan Abdullah menitahkan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, supaya kertas cadangan ringkas mengenai perkara itu dibentangkan kepada baginda selepas dimaklumkan pemberian elaun berkenaan belum diputuskan oleh kerajaan.

Kira-kira seminggu selepas itu, Zuraida menyerahkan kertas cada-

ngan berkenaan kepada baginda. Awal bulan ini, aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye, turut menyatakan elaun kritikal bagi anggota bomba wajar diperuntukkan menerusi pembentangan Belanjawan 2020, seiring cabaran, bidang tugas yang pelbagai dan risiko pekerjaan berkenaan.

Anggota bomba kini terpaksa menggalas pelbagai kerja termasuk menyelamat, memadam kebakaran, penyaluran bantuan kemanusiaan dan menjadi 'wira' hidupan liar serta haiwan peliharaan.